

Arkib
NEW
32.28
35
1996

PELOPOR... Abang Johari (kanan) dan Dr Ghazally menunjukkan buku program Seminar Bidang dan Strategi Perancangan Ke Arah Mewujudkan Taman Bioteknologi Negara di Sarawak.

Sarawak lulus kawasan taman bioteknologi

BERITA HARIAN. (1996, NOVEMBER 6).

Oleh Rosli Safar
Gambar: Ghazali Bujang

SARAWAK akan mempelopori bidang bioteknologi untuk mempersiapkan Malaysia bagi menghadapi cabaran abad ke-21 yang dijangka akan berteraskan kepada industri bioteknologi berasaskan sumber alam semulajadi, khususnya daripada hutan hujan tropika.

Sejajar itu, kerajaan negeri meluluskan kawasan seluas 2,000 hektar di Kota Samarahan untuk dijadikan Taman Bioteknologi Negara yang akan menjadi pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Menteri Pembangunan Perindustrian Sarawak, Datuk Abang Johari Tun Openg, berkata, dalam keghairahan negeri lain membangunkan industri berteknologi tinggi, Sarawak mengambil langkah ke depan untuk mempersiapkan negara bagi penyediaan landasan untuk menceburi industri baru itu.

"Taman Bioteknologi Negara akan diwujudkan secepat mungkin membabitkan kepakaran dalam dan luar negara.

"Taman itu mungkin yang pertama seumpamanya di rantau ini, akan dikhususkan untuk membuat kajian kemungkinan sumber alam semulajadi di negeri ini berupaya digunakan untuk tujuan tertentu, khususnya dalam industri peruba-

tan dan pemakanan," katanya baru-baru ini.

Hadir sama di sidang akhbar itu ialah, Timbalan Naib Chanselor (Perkhidmatan dan Penyelidikan) Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), Dr Ghazally Ismail.

Sejajar itu, satu seminar bertajuk Bidang dan Strategi Perancangan Ke Arah Mewujudkan Taman Bioteknologi Negara di Sarawak akan diadakan di Kuching, pada 11 hingga 13 November ini.

Seminar itu akan mengumpulkan saintis dan pakar dari dalam dan luar negara untuk mencari satu kaedah bagi merealisasikan pengwujudan Taman Bioteknologi Negara.

Seramai 22 saintis dan pakar dalam dan luar negara akan membentangkan kertas kerja di seminar berkenaan.

Saintis dan pakar luar negara yang akan mengetengahkan idea mereka ialah, tiga orang dari Amerika Syarikat, Australia (5 orang) dan masing-masing satu dari New Zealand, Belgium, Kanada dan India. Sementara Malaysia akan disertai oleh 10 saintis dan pakar dalam bidang berkaitan.

Abang Johari berkata, kos bagi pelaksanaan taman berkenaan akan

ditanggung bersama kerajaan negeri dan kerajaan pusat.

"Seminar itu diharap akan dapat memberi arah atau petunjuk kepada kita bagaimana sebuah taman bioteknologi dapat diwujudkan.

"Ini kerana pada masa ini belum ada satupun landasan yang konkrit dapat digunakan untuk tujuan itu, kerana beberapa negara yang menjalankan kajian dalam bidang itu tidak membuat pengkhususan kepada industri bioteknologi," katanya.

Katanya, seminar itu juga akan turut disertai oleh ketua eksekutif beberapa syarikat antarabangsa.

Seminar itu katanya, akan dijalankan bersama Unimas yang akan terbabit secara langsung dalam pelaksanaan taman berkenaan.

Abang Johari berkata, dengan wujudnya taman itu kelak, mungkin kajian akan dapat dijalankan bagi memajukan industri sagu di negeri ini kerana tepung sagu dijangka berupaya menjadi makanan asasi menjelang abad akan datang.

Kajian yang dijalankan terbabit di segi DNA, bagi mempercepatkan kematangan pokok rumbia daripada 18 tahun kepada suatu tempoh yang lebih singkat untuk membolehkannya ditebang dan diproses